



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK GUNA TENAGA, MALAYSIA SUKU TAHUN KEDUA 2025

Permintaan buruh Malaysia kekal menggalakkan pada ST2 2025 dengan 9.10 juta jawatan, meningkat sebanyak 1.6 peratus tahun ke tahun.

PUTRAJAYA, 14 OGOS 2025 – Permintaan buruh Malaysia kekal menggalakkan pada ST2 2025 dengan 9.10 juta jawatan, meningkat sebanyak 1.6 peratus tahun ke tahun, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam penerbitan **Statistik Guna Tenaga, Suku Tahun Kedua 2025** pada hari ini. Statistik yang diterbitkan dalam laporan adalah berdasarkan Survei Guna Tenaga yang dilaksanakan ke atas syarikat perniagaan sektor swasta yang berdaftar. Laporan ini membentangkan statistik permintaan buruh merangkumi indikator bilangan jawatan, jawatan diisi, kekosongan jawatan dan pewujudan jawatan mengikut kategori kemahiran dan aktiviti ekonomi.

Di sebalik ketidaktentuan dan cabaran global, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Sektor ekonomi Malaysia kekal stabil pada suku tahun kedua 2025 dengan bilangan jawatan meningkat sebanyak 1.6 peratus tahun ke tahun iaitu pertambahan sebanyak 142.2 ribu jawatan dengan merekodkan 9.10 juta jawatan (ST2 2024: 8.96 juta). Ini sejajar dengan prestasi ekonomi Malaysia yang semakin berkembang, mendorong perniagaan di semua sektor untuk meningkatkan penyertaan tenaga buruh untuk memenuhi permintaan pengeluaran yang semakin meningkat. Daripada jumlah keseluruhan jawatan, 97.9 peratus telah diisi manakala baki 2.1 peratus masih kosong."

Ketua Perangkawan turut menyatakan bahawa bilangan jawatan diisi menunjukkan trajektori peningkatan yang konsisten, meningkat sebanyak 1.6 peratus tahun ke tahun untuk merekodkan 8.90 juta jawatan diisi pada suku tahun ini berbanding 8.76 juta pada ST2 2024. Kestabilan ini digambarkan dengan pertumbuhan positif tahun ke tahun dalam jawatan diisi bagi semua sektor ekonomi, didahului oleh sektor Perkhidmatan yang merekodkan pertumbuhan tertinggi sebanyak 2.1 peratus. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan dan Pembinaan masing-masing dengan kadar

1.4 peratus dan 0.6 peratus. Perincian mengikut aktiviti ekonomi, jawatan diisi kekal tertumpu dalam sektor Perkhidmatan yang merangkumi 53.0 peratus atau 4.72 juta jawatan diisi. Ini disusuli oleh sektor Pembuatan dengan 26.8 peratus (2.38 juta) dan Pembinaan pada 14.0 peratus (1.25 juta). Berdasarkan pecahan mengikut kategori kemahiran, kategori separuh mahir mendahului dengan 5.56 juta jawatan diisi atau 62.5 peratus daripada jumlah keseluruhan. Kategori mahir menyusul dengan 2.24 juta jawatan diisi (25.2%) manakala berkemahiran rendah menyumbang peratus sumbangan terendah iaitu 12.3 peratus dengan 1.10 juta jawatan.

Mengulas lanjut mengenai permintaan buruh, Ketua Perangkawan menekankan, “Kekosongan jawatan meningkat sebanyak 1.8 peratus pada ST2 2025, bersamaan dengan pertambahan 3.4 ribu kekosongan dari suku sama tahun lepas, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 194.9 ribu kekosongan (ST2 2024: 191.5 ribu). Peningkatan ini didorong oleh sektor Pembuatan dengan 112.4 ribu kekosongan (57.7%), terutamanya dalam subsektor Elektrik, elektronik dan produk optikal (34.8 ribu), diikuti oleh Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (20.0 ribu). Seterusnya, sektor Pertanian merekodkan 31.8 ribu kekosongan (16.3%), diikuti oleh Pembinaan dengan 25.2 ribu kekosongan (13.0%). Analisis lanjut kekosongan jawatan mengikut kategori kemahiran, kategori separuh mahir merupakan penyumbang terbesar dengan 56.2 peratus (109.5 ribu). Sementara itu, kategori mahir dan berkemahiran rendah masing-masing menyumbang peratusan selebihnya dengan 24.6 peratus (48.0 ribu) dan 19.2 peratus (37.4 ribu).”

Perkembangan permintaan buruh di Malaysia turut disumbangkan oleh pewujudan jawatan baharu dengan 31.9 ribu pewujudan jawatan pada suku ini, meningkat 0.2 peratus tahun ke tahun (ST2 2024: 31.9 ribu). Sebahagian besar jawatan baharu ini diwujudkan melalui usaha yang dipergiatkan untuk memacu pendigitalan dan mengamalkan budaya mampan, individu perlu memperkukuh literasi teknologi agar kekal berdaya saing dalam pasaran buruh berasaskan teknologi. Dari segi aktiviti ekonomi, sektor Perkhidmatan mencatatkan sumbangan yang ketara dengan 14.9 ribu pewujudan jawatan (46.7%), terutamanya dalam subsektor Perdagangan borong dan runcit dengan 8.8 ribu jawatan baharu. Sementara itu, 11.9 ribu (37.4%) jawatan baharu diwujudkan dalam sektor Pembuatan, dengan subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal mencatatkan jumlah tertinggi dengan 4.0 ribu jawatan baharu. Di samping itu, sektor Pembinaan menyumbang 3.5 ribu jawatan baharu (11.0%). Berdasarkan pecahan mengikut kategori kemahiran, kategori separuh mahir kekal sebagai penyumbang tersebar kepada pewujudan jawatan dengan 64.6 peratus (20.6 ribu). Ini diikuti oleh kategori mahir sebanyak 24.9 peratus (7.9 ribu) dan berkemahiran rendah sebanyak 10.5 peratus (3.4 ribu).

Merumuskan kenyataannya, Dato’ Sri Dr Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa permintaan buruh di Malaysia kekal dinamik dan berdaya tahan pada suku semasa walaupun berdepan cabaran luar, termasuk ketidaktentuan tarif dan ketegangan geopolitik di Timur Tengah. Beliau turut menyatakan bahawa prestasi stabil ini

disokong oleh permintaan domestik yang memberangsangkan dan perbelanjaan pengguna yang stabil yang membantu mengekalkan operasi perniagaan sejajar dengan usaha berterusan mewujudkan pekerjaan. Situasi ini disokong oleh anggaran awal KDNK Malaysia yang mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 4.5 peratus pada ST2 2025. Walau bagaimanapun, perniagaan telah menunjukkan keupayaan menyesuaikan diri dengan baik dalam menangani cabaran luar, sekali gus mengurangkan kesan situasi semasa. Ini mencerminkan kesiapsiagaan mereka untuk mengekalkan operasi yang seterusnya menyokong momentum positif permintaan buruh di Malaysia.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


**Carta 1: Jawatan, Kadar Jawatan Diisi dan Kadar Kekosongan,
ST2 2022 - ST2 2025**




Carta 2: Pewujudan Jawatan, ST2 2022 - ST2 2025



Paparan 1: Permintaan Buruh mengikut Aktiviti Ekonomi, ST2 2025 (% Sumbangan)



Paparan 2: Permintaan Buruh mengikut Kategori Kemahiran, ST2 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
14 OGOS 2025



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

EMPLOYMENT STATISTICS, MALAYSIA SECOND QUARTER OF 2025

Malaysia's labour demand remains favourable in Q2 2025 with 9.10 million jobs, expanding by 1.6 per cent year-on-year.

PUTRAJAYA, AUGUST 14, 2025 – Malaysia's labour demand remains favourable in Q2 2025 with 9.10 million jobs, expanding by 1.6 per cent year-on-year, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release of **Employment Statistics, Second Quarter of 2025**. These statistics were published in a report derived from Employment Survey conducted among registered private sector businesses. It presents the labour demand statistics, encompassing the number of jobs, filled jobs, jobs vacancy and jobs created indicators by skills category and economic activity.

Amid the global uncertainties and challenges, the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysia's economic sector remained in a stable position in the second quarter of 2025 with the number of jobs increased by 1.6 per cent year-on-year, equivalent to 142.2 thousand jobs added to record 9.10 million jobs (Q2 2024: 8.96 million). This coincides with Malaysia's growing economic performance, prompting businesses across sectors to enhance labour participation to meet increasing output demands. Among the total jobs, 97.9 per cent jobs were filled, leaving 2.1 per cent vacant."

The Chief Statistician also highlighted that the number of filled jobs have shown a consistent upward trajectory, increasing by 1.6 per cent year-on-year to record 8.90 million filled jobs in this quarter as compared to 8.76 million in Q2 2024. This stability was portrayed by the positive year-on-year growth of filled jobs across all economic sectors, led by Services sector which recorded the highest growth at 2.1 per cent. This was followed by Manufacturing and Construction sectors at 1.4 per cent and 0.6 per cent respectively. Disaggregated by economic activity, the filled jobs remained

concentrated in the Services sector, which comprised of 53.0 per cent or 4.72 million filled jobs. This was followed by the Manufacturing sector at 26.8 per cent (2.38 million) and Construction at 14.0 per cent (1.25 million). Breaking down by skills category, the semi-skilled led with 5.56 million filled jobs or 62.5 per cent of the total. Skilled category came next with 2.24 million filled jobs (25.2%) while the low-skilled accounted for the lowest share of 12.3 per cent with 1.10 million filled jobs.

Elaborating further the insight of the labour demand, the Chief Statistician emphasised, “The jobs vacancy rose by 1.8 per cent in Q2 2025, equivalent to an increase of 3.4 thousand vacancies from the corresponding quarter of previous year, bringing the total to 194.9 thousand vacancies (Q2 2024: 191.5 thousand). This surge was fuelled by Manufacturing sector with 112.4 thousand vacancies (57.7%), mainly in the Electrical, electronic and optical products (34.8 thousand) and Petroleum, chemical, rubber and plastic products (20.0 thousand) sub-sectors. Accordingly, Agriculture sector recorded 31.8 thousand vacancies (16.3%), followed by Construction with 25.2 thousand vacancies (13.0%). Analysing further the jobs vacancy by skills category, semi-skilled category made up the largest share of 56.2 per cent (109.5 thousand). Meanwhile, skilled and low-skilled categories constituting the remaining share with 24.6 per cent (48.0 thousand) and 19.2 per cent (37.4 thousand) each.”

The expansion of labour demand in Malaysia was further attributed by the creation of new jobs, with 31.9 thousand jobs created in the current quarter, rose by 0.2 per cent year-on-year (Q2 2024: 31.9 thousand). As most of the new jobs were created through ramped-up efforts to drive digitalisation and adopt sustainable practices, individuals need to strengthen their technological literacy to remain competitive in a technology-based labour market. In terms of economic activity, the Services sector signifies a notable contribution with a total of 14.9 thousand jobs created (46.7%), mainly in Wholesale and retail trade sub-sector with 8.8 thousand new jobs. Meanwhile, 11.9 thousand (37.4%) new jobs were created in the Manufacturing sector, with the Electrical, electronic and optical products sub-sector add up the highest jobs created at 4.0 thousand new jobs. In addition, the Construction sector accounted for 3.5 thousand new jobs (11.0%). Looking at the composition of jobs created by skills category, the semi-skilled category remained as the largest contributor for jobs created with 64.6 per cent (20.6 thousand). This was followed by skilled category at 24.9 per cent (7.9 thousand) and low-skilled category at 10.5 per cent (3.4 thousand).

Wrapping up his statement, Dato’ Sri Dr Mohd Uzir Mahidin said that labour demand in Malaysia remain dynamic and resilient in the current quarter despite persistent global headwinds, including tariffs uncertainty and geopolitical tensions in Middle East. He further stated, this continued stable performance was underpinned by robust domestic demand and steady consumer spending which help sustain business operations,

alongside ongoing efforts in jobs creation. This situation is underscored by Malaysia's advance GDP estimates, which reported a 4.5 per cent year-on-year growth in Q2 2025. Nonetheless, businesses have shown strong adaptability in navigating external challenges, cushioning the impact of ongoing situation. This reflects their readiness to sustain operations which will uphold the positive momentum of labour demand in Malaysia.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Jobs, Rate of Filled Jobs and Rate of Vacancies, Q2 2022 - Q2 2025




Chart 2: Jobs Created, Q2 2022 - Q2 2025




Exhibit 1: Labour Demand by Economic Activity, Q2 2025 (% Share)





Exhibit 2: Labour Demand by Skills Category, Q2 2025



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
14th AUGUST 2025